

Haid dan Hukumnya: Kajian Perbandingan Daripada Segi Hukum Syarak

ANDEK MASNAH ANDEK KELEWA

ABSTRACT

Hayd (menstruation) is a natural sign of puberty for a girl. It begins at the age of around nine years and terminates with Iyās (menopause) Muslim jurists differ in determining the minimum and maximum period of menstruation. There are two signs to indicate that a woman has experienced her menstruation period. Firstly al-Qassah al-Baydā' and secondly al-Jāf. The blood of menstruation can be differentiated from the blood of Istihādah, normally its colour, smell and condition. During the menstruation period women are required not normally to pray, fast, tawāf and have sexual intercourse with their husbands. The menstruation also has some effects on ḥiddah period for divorced women. This essay presents the Qur'an, verses, the Traditions of the Prophet, and the opinions of Muslim jurists regarding the menstruation.

ABSTRAK

Haid merupakan tanda baligh yang tabii bagi seseorang gadis. Ianya bermula di dalam lingkungan umur sembilan tahun ke atas dan berakhir dengan Iyās. Ulama tidak sepakat pada menetapkan kadar minimum dan maksimum masa haid bagi seseorang wanita. Begitu juga masa tuhr (suci). Ada dua tanda yang menunjukkan seseorang gadis itu telah suci dari haid. Yang pertama al-Qassah al-Baydā'. Yang kedua al-Jāf. Darah haid dapat dibezakan daripada darah Istihādah, iaitu pada warna, bau dan keadaannya. Wanita-wanita yang sedang berhaid diharamkan bersembahyang, puasa, tawaf, dan mengadakan hubungan jenis dengan suami. Haid juga mempengaruhi masa idah kepada wanita yang ditalakkan oleh suaminya. Tulisan ini mengemukakan beberapa ayat Quran dan Hadis serta tafsiran ulama Islam mengenai haid.

TAKRIF HAID

Pada bahasa, haid bererti mengalir (Ibn Manzur 1301,8:411).

يقال حاضت المرأة تخيس حيضاً ومحيضاً

Seorang wanita dianggap **حائض** atau **حاضة** apabila ia didatangi darah bulanan pada masa kebiasaan haidnya.

Digunakan juga dari sudut bahasa “pokok itu telah haid” **حاضت الشجرة** apabila mengalir sejenis cecair darinya.

Pada istilah, haid ialah darah yang keluar dari pangkal rahim seseorang wanita yang sedang berada di dalam keadaan sihat. Darah yang keluar itu bukan disebabkan oleh penyakit atau bersalin. Ia keluar di dalam tempoh masa yang tertentu mengikut kebiasaan seseorang wanita. Warnanya merah kehitam-hitaman, mempunyai bau yang tidak menyenangkan, hangat dan kebiasaannya wanita akan mengalami kesakitan pada tubuh badan atau gangguan perasaan ketika didatangi haid (al-Zuhaylī 1987, 1:455).

WAKTU HAID

Waktu haid bermula di dalam lingkungan umur 9 tahun ke atas dan berakhir dengan iyās atau putus haid. Haid merupakan tanda baligh yang tabii bagi seseorang wanita. Usia 9 tahun merupakan umur baligh yang termuda bagi seorang wanita. Pada kebiasaannya, seseorang gadis itu didatangi haid dalam lingkungan umur 13 atau 14 tahun.

Darah yang keluar sebelum usia 9 tahun dari rahim seseorang wanita tidak dinamakan haid bahkan ia adalah darah *fasad*. Al-Shāfi‘ī berkata:

Seseorang wanita yang didatangi haid sebelum mencapai usia 9 tahun, darah itu adalah darah *fasad*, bukan *istihādah*. (al-Nawawi, 2:366)

Gadis yang tidak baligh secara tabii, mereka dikira baligh secara hukmī sesudah berusia 15 tahun. Umur baligh secara hukmī ini sama di antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan. Ini menurut pendapat jumhur, kecuali Abū Hanīfah (Müsā 1983, 15 – 16) yang membezakan umur keduanya:

Umur baligh secara hukmī bagi seseorang gadis ialah 17 tahun dan bagi seseorang lelaki ialah 18 tahun.

Baligh menyebabkan seseorang itu, sama ada lelaki atau perempuan, menjadi mukalaf yang diwajibkan ke atasnya segala takalif syarak seperti

sembahyang, puasa, haji dan sebagainya. Mereka juga dituntut membuat segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah.

IYĀS

Iyās bererti putus haid. Masa iyās tidak sama di kalangan wanita kerana ada yang cepat dan ada yang lambat. Al-Shāfi‘ī berpendapat (al-Sharbī 1985, 1.287).

Bahawa masa iyās bagi seseorang wanita lazimnya hampir sama dengan kerabatnya yang terdekat dari kedua belah ibu bapanya. Contohnya, jika saudara perempuannya mengalami masa iyās semasa berumur 60 tahun, kemungkinan besar dia begitu juga. Bagi wanita yang beristihādah seumur hidupnya, maka masa iyāsnya perlu ditentukan. Pendapat yang masyhur dari al-Shāfi‘ī ialah 62 tahun.

Al-Hanābilah (Ibn Qudāmah 1970, 1:2621) berpendapat:

Iyās bermula di dalam usia 50 tahun. Wanita yang masih berhaid di antara umur 50 hingga 60 tahun diragui adakah ia berhaid atau beristihādah. Sebagai langkah “ihtiyāt” (berhati-hati) maka, ia diwajibkan bersembahyang, berpuasa dan menggadakan puasanya yang tertinggal. Darah bulanan yang keluar sesudah melewati usia 60 tahun bukan haid dengan pasti. ()

Al-Ahnāf (Ibn al-Humām 1315H, 1:114) pula berpendapat:

Iyās bermula di dalam usia 50 tahun. Wanita yang masih berhaid di antara usia 50 hingga 55 tahun hukumnya sama dengan wanita lain yang berhaid. Sesudah usia 55 tahun ia bukan haid. ()

Menurut Al-Mālikīyyah (al-Dasūqī, 1.167):

Permulaan masa iyās 50 tahun. Wanita-wanita yang masih berhaid di antara usia 50 hingga 70 tahun hukumnya mengikut pengakuan mereka sendiri. Jika mereka katakan bahawa darah itu adalah haid maka hukumnya ia berhaid dan sebaliknya. Sesudah 70 tahun ia bukan haid dengan pasti.

Boleh dikatakan ulama sepandapat bahawa masa iyās bermula dalam usia lima puluhan. Tetapi ini tidak menafikan adanya wanita yang mengalami masa iyās lebih awal dari itu, kerana iyās berkait rapat dengan kesihatan tubuh badan seseorang wanita, keadaan dan iklim setempat.

Iyās tidak memberi apa-apa kesan kepada seseorang wanita pada perkara yang berkaitan dengan hukum syarak, kecuali dalam masalah idah. Mereka diwajibkan bersembahyang, berpuasa, dan dikenakan hukum qisās jika membunuh dengan sengaja. Iyās juga tidak menghalang seseorang wanita jimat dengan suaminya. Sebaliknya iyās memberi

kesan dalam masalah idah. Wanita-wanita iyās yang diceraikan oleh suaminya, kiraan idah mereka mengikut kiraan bulan iaitu 3 bulan, tidak dengan kiraan quru' (قوله). Firman Allah:

وَالَّتِي يَئْسَنُ مِنَ الْمَحِيطِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرْتَبْتُمْ فَعَدْتُهُنَّ
ثَلَاثَ أَشْهُرٍ.

(Quran, 65:4)

Ertinya: Dan wanita-wanita yang telah putus haid dari kalangan isteri-isteri kamu, jika kamu meragui tentang idah mereka, maka idah mereka itu selama 3 bulan.

KADAR MINIMUM HAID

Ulama tidak sependapat di dalam menetapkan kadar masa haid yang minimum dan maksimum bagi seseorang wanita.

Al-Shāfi'iyyah (al-Sharbīnī 1985, 1.109) dan al-Hanābillah berpendapat kadar masa haid yang minimum bagi seseorang wanita ialah sehari semalam iaitu dalam masa 24 jam. Ini berdasarkan kepada penyelidikan yang dibuat dan realiti yang wujud kepada kaum wanita sendiri (Mūsā 1983, 28). Menurut al-Ahnāf, (al-Mausilī 1961, 1.32) selama 3 hari 3 malam iaitu selama dalam tempuh 72 jam. Kadar masa haid yang kurang dari itu adalah istihādah berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w .

أقل الحيض للجارية البكر والثيب ثلاثة أيام وأكثره
عشرة أيام – (رواه الدارقطني).

Maksudnya:

Sekurang-kurang kadar masa haid yang minimum bagi seseorang wanita samada ia seorang gadis atau seorang janda ialah selama tiga hari tiga malam, dan kadar maksimum ialah sepuluh hari sepuluh malam (al-Zayla'ī, 191)

Al-Mālikīyyah (al-Dasūqī, 1:168), tidak membataskan kadar minimum masa haid. Bagi mereka memadai dengan keluar selakı gus sahaja dan ini sudah mencukupi untuk dinamakan haid.

Pendapat yang pertama lebih rājih iaitu kadar minimum haid selama sehari selama. Ini berdasarkan kepada kebiasaan dan penyelidikan yang telah dibuat di mana kadar minimum haid tidak kurang dari sehari

semalam, dan tidak berlaku seseorang wanita mengalami haid hanya sekaligus sahaja. (Mūsā 1983, 28). Begitu juga, hadis yang dikemukakan oleh al-Ahnāf sebagai hujah tidak dapat diterima, kerana hadis ini diriwayatkan oleh Muhammad bin al-Shāmī adalah perawī yang daif. Menurut Ibn ‘Uyaynah ianya seorang perawī hadis yang tidak pernah merawikan hadis sebelumnya.

KADAR MAKSIMUM HAID

Al-Ahnāf (al-Mausilī, 1.32) berpendapat kadar maksimum bagi haid ialah 10 hari 10 malam berdasarkan kepada hadis al-Dār Qutni, yang lepas. Sedangkan al-Shāfi‘iyah, al-Mālikiyah dan al-Hanābilah (Ibn Qudāmah, 1:224) berpendapat selama 15 hari mengikut kebiasaan dan penyelidikan yang telah dibuat.

Darah bulanan yang berterusan keluar sehingga melewati batas maksimum haid (10 hari bagi al-Ahnāf dan 15 hari bagi imam-imam yang lain – jumhur –) dinamakan istihādah .

Kelazimannya wanita-wanita hanya didatangi haid selama 6 atau 7 hari sahaja. Sabda Rasulullah s.a.w. kepada Hamnah binti Jahsh:

فتحيض ستة أيام أو سبعة في علم الله ثم اغسلى حتى
إذا رأيت أنك قد طهرت استقيت فصلى أربعاء وعشرين
ليلة أو ثلاثة وعشرين ليلة وأيامها (رواه أبو داود
وأحمد والترمذى وصححاه).

Maksudnya:

Maka kadar masa haid mu ialah selama 6 atau 7 hari sahaja. Selepas itu hendaklah engkau mandi wajib. Apabila engkau telah bersuci dan berwuduk, maka hendaklah engkau menunaikan sembahyang selama 24 atau 23 hari. (Al-Shawkānī 1.3118)

Hadir ini menyatakan kadar masa haid yang biasa dialami oleh seseorang wanita iaitu selama 6 atau 7 hari sahaja. Di samping itu, ia juga menyatakan kadar masa tuhr (طهارة) (Masa suci dari haid) yang biasa bagi seseorang wanita iaitu selama 23 atau 34 hari dalam tempoh sebulan. Lazimnya masa tuhr dikira dari baki hari yang tinggal sesudah habis masa haidnya. Umpamanya, jika kadar masa haidnya 10 hari, maka masa tuhrnya ialah 20 hari.

Imam Mālik, Imam al-Nawawi, Imam al-Shāfi‘ī dan Imam Abū Hanifah berpendapat:

Sekurang-kurang masa tuhr di antara 2 haid ialah 15 hari. Sebab pada lazimnya di dalam tempoh sebulan wanita akan mengalami masa haid dan masa tuhr. (Ibn Qudāmah, 1.225)

Dari keterangan yang lalu, tempoh maksimum bagi haid ialah selama 15 hari. Maka dengan sendirinya, sekurang-kurangnya masa tuhr di antara 2 haid ialah 15 hari juga ($30 - 15 = 15$ hari). Al-Hanābilah berpendapat sekurang-kurang masa tuhr di antara 2 haid ialah selama 13 hari berhujahkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad daripada ‘Alī bin Abī Tālib, maksudnya:

Seseorang wanita yang telah ditalakkan oleh suaminya datang menemui Shurayh (seorang kadi) ia telah didatangi haid sebanyak 3 kali di dalam tempoh sebulan itu. Ia juga mendakwa bahawa ia telah bersuci dan bersembahyang. ‘Alī bertanyakan pendapat Shurayh mengenai masalah ini. Jawab Shurayh, sekiranya ia dapat membawa saksi dari kalangan anggota keluarganya seorang yang amanah dan berpegang teguh kepada agama, dakwaannya boleh diterima. Jika tidak, ia dianggap sebagai seorang pendusta. ‘Alī berkata baiklah sebagai tanda menyetujui pendapat itu. (Ibn Qudāmah, 1.226)

Hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad ini menunjukkan bahawa wanita itu telah berhaid sebanyak 3 kali dengan kadar masa haid yang minimum.

Pendapat yang menyatakan sekurang-kurang masa tuhr ialah 15 hari adalah lebih rājih. Sebab di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imām Ahmad, kita dapat ‘Alī hanya memberi persetujuan kepada keputusan yang dibuat oleh Shurayh sahaja. Dan ‘Alī sendiri hanya seorang sahabat. Tindakan Shurayh menyuruh wanita tersebut membawa saksi yang amanah dan berpegang teguh kepada agama menunjukkan kejadian yang begini jarang berlaku. Pada lumrahnya seseorang wanita didatangi haid hanya sekali atau dua kali sahaja dalam sebulan, tidak 3 kali.

TANDA SUCI DARIPADA HAID

Ada dua cara untuk mempastikan seseorang wanita itu telah tuhr atau telah bersih dari haid. Yang pertama adalah “al-Qassah Al-Baydā” (القصة البيضاء). Al-Qassah Al-Baydā merupakan suatu tanda yang menunjukkan bahawa rahim seseorang wanita itu telah tuhr. ‘Āishah berkata kepada wanita-wanita yang memasukkan kapas ke dalam faraj mereka dan ketika dikeluarkan semula, masih kedapatan padanya warna kekuning-kuningan.

لَا تَعْجَلْنَ حَتَّى تَرِينَ الْقَصْبَةَ الْبَيْضَاءَ

Maksudnya:

Jangan kamu tergesa-gesa untuk bersuci sehingga kamu dapat pada kapas itu ada al-Qassah Al-Baydā' (Ibn Qudāmah, 1.242)

Yang kedua: Al-Jāf ertinya kering (tiada apa-apa tanda).

Wanita yang memasukkan kapas ke dalam farajnya adalah bertujuan untuk mengetahui adakah dia masih berhai'd atau telah tuhr. Ketika ia mengeluarkannya semula ia tidak mendapat apa-apa tanda sama ada al-Qassah Al-Baydā' atau selainnya. Dengan itu al-Jāf juga menunjukkan bahawa wanita itu telah tuhr.

CIRI-CIRI DARAH HAID

Ada beberapa warna yang terdapat di dalam darah haid.

1. warna merah kehitam-hitaman. Sabda Rasulullah s.a.w kepada Fātimah binti Abī Hubsyah (seorang wanita yang mustahādah):

ان دم الحِيُض دم أَسْوَد يُعرَف فَإِذَا كَانَ كَذَلِكَ فَامْسَكْ بِهِ
عَنِ الصَّلَاةِ، فَإِذَا كَانَ الْآخَرُ فَوْضَىٰ وَصَلَى

Maksudnya:

Sesungguhnya darah haid itu berwarna merah kehitam-hitaman. Kaum wanita dapat mengenalinya dengan mudah terutama melalui baunya yang tidak menyenangkan. Maka sekiranya kedapatan pada darah haidmu ciri-ciri yang begini hendaklah engkau meninggalkan sembahyang. Sebaliknya jika tidak kedapatan ciri-ciri yang begini pada haidmu, hendaklah engkau berwuduk dan bersembahyang. (Al-^cAsqalānī, 1:971)

Hadis di atas menunjukkan bahawa darah haid yang berwarna merah kehitam-hitaman boleh dijadikan sebagai suatu tanda yang boleh membezakan di antara darah haid dan darah istihādah. Darah haid berwarna merah kehitam-hitaman dan mempunyai bau yang tidak menyenangkan, sedangkan darah istihādah tidak ada padanya ciri-ciri yang demikian. Wanita-wanita mustahādah yang didatangi darah berwarna merah kehitam-hitaman mereka dikira berhai'd dan diharamkan bersembahyang serta beberapa perkara lain yang diharamkan oleh

syarak. Sedangkan wanita yang mustahādah diwajibkan bersembahyang dan hukumnya sama seperti wanita yang tuhr.

2. Warna merah menyala. Warna merah menyala merupakan warna asal bagi darah.

3. Warna kekuning-kuningan.
4. Warna keruh (الكدرة)
5. Warna kehijau-hijauan.
6. Warna keperang-perangan.

Warna darah haid yang kehijauan dan warna perang termasuk ke dalam golongan warna *Al-Kadrah* (keruh) dari segi hukum. (Müsā, 1983, 22) Warna darah yang merah kehitam-hitaman dan merah menyala adalah warna darah haid tanpa khilaf di antara ulama. Sedangkan pada darah yang berwarna kekuning-kuningan dan *al Kadrah* (Keruh) jumhur ahli-ahli fikah (Müsā 1983, 23) berpendapat kedua-dua warna darah ini dikira sebagai haid sama ada ia keluar dipermulaan masa haid atau diakhirnya, asalkan masih berada di dalam tempuh masa haid yang menjadi kebiasaan bagi seseorang wanita. Maka haram baginya segala perkara yang diharamkan bagi orang yang berhaid seperti sembahyang, puasa dan sebagainya. Berdalilkan kepada hadis ^cĀishah yang melarang wanita tergesa-gesa untuk bersuci sedangkan masih kedapatan pada kapas yang dimasukkan kedalam farajnya warna kekuning-kuningan.

Adapun darah yang berwarna kekuning-kuningan atau keruh yang keluar dari rahim seseorang wanita sesudah ia tuhr dan bukan dalam tempoh masa haid yang menjadi kebiasaannya. Ianya tidak dikira sebagai haid. Berdalilkan kepada hadis Umm ^cAtiyyah yang mengatakan:

كنا لا نعد الكدرة والصفرة بعد الطهور شيئاً.

(رواه أبو داؤد والبخاري)

Maksudnya:

Kami tidak mengira warna kekuning-kuningan dan warna keruh sebagai haid sesudah tuhr. (Al-Shawkānī)

Abū Yuṣuf berpendapat (Ibn al-Humān, 1.113) darah yang berwarna keruh tidak dikira sebagai haid sebenarnya kecuali jika didahului oleh darah yang berwarna kehitam-hitaman atau merah menyala. Sebab sesuatu yang keruh selalunya keluar mengiringi sesuatu yang jernih (asli). Kebanyakan fuqaha al-Ahnāf tidak menyetujui pendapat Abū Yuṣuf ini. Alasan mereka; air yang mengiringi air yang jernih jika dituang dari bahagian atas bejana. Sebaliknya jika dikeluarkan dari bahagian bawah

bejana tentulah air yang keruh keluar terlebih dahulu daripada air yang jernih. ^cĀisyah sendiri melarang wanita-wanita tergesa-gesa bersuci selagi masih kedapatan warna kekuningan atau keruh pada kapas mereka. Tambahan lagi warna keruh juga merupakan salah satu dari warna darah haid. Maka dengan sendirinya ia juga adalah haid tanpa mengira sama ada ia keluar di awal atau di akhir masa haid.

Di samping warnanya yang bermacam-macam, darah haid juga mempunyai bau yang tidak menyenangkan dan agak panas.

HAID DAN HUKUMNYA MENURUT SYARAK

Menurut syarak wanita yang berhaid ada lima hukum:

1. Wajib mandi sesudah berakhir masa haidnya (apabila darah haid telah kering). Sabda Rasulullah s.a.w (al-Shawkānī, 1.314) kepada Fātimah bt Abī Hubaysh:

ولكن دعى الصلاة قدر الأيام التي كنت تحضين فيها
ثم اغسلى وصلى - رواه البخاري.

Maksudnya:

Dan tetapi hendaklah engkau meninggalkan sembahyang mengikut sekadar tempoh haidmu yang lepas kemudian hendaklah engkau mandi wajib dan bersembahyang.

2. Kedatangan haid menandakan bahawa wanita itu telah baligh dan telah diwajibkan kepadanya segala taklif syarak.
3. Kedatangan haid juga menandakan bahawa seseorang wanita sedang beridah (kerana diceraikan oleh suami) tidak hamil.
4. Wanita-wanita yang masih kedatangan haid setiap bulan, idah mereka selama 3 qurū' Al-Hanābilah dan al-Hanāfiah (al-Zuhaylī 1987, 1:468) berpendapat yang dimaksudkan dengan qurū' ialah masa haid. Maka berakhir idahnya dengan berakhir masa haidnya kali yang ketiga sesudah diceraikan oleh suaminya. Isteri yang diceraikan ketika sedang berhaid, maka haid tersebut tidak termasuk ke dalam kiraan qurū' itu.

Al-Shāfi'īyyah dan al-Mālikīyyah (al-Zuhaylī 1987, 1:468) berpendapat qurū' ialah masa "tuhr" iaitu suci dari haid. Maka idahnya berakhir dengan kedatangan haid kali yang ketiga.

5. Al-Hanābilah (Ibn Qudāmah, 1: 145) mewajibkan kifarah kepada pihak suami yang wata' (jimak) dengan isterinya yang sedang haid.

Pihak isteri juga dikenakan kifarah jika rangsangan datang darinya.

PERKARA YANG DIHARAMKAN KEPADA WANITA YANG SEDANG BERHAID

Ada beberapa perkara yang diharamkan kepada wanita yang sedang berhaid. Di antaranya ialah:

1. Haram berseambahyang, sujud tilawah dan sujud syukur.
2. Haram berpuasa. Wanita-wanita yang sedang berhaid diharamkan berseambahyang dan berpuasa di bulan Ramadan. Mereka tidak wajib mengqada' sembahyang yang tertinggal semasa dalam keadaan berhaid. Tetapi mereka wajib mengqada' puasa yang tinggalkan di bulan Ramadan. Penggururan kewajipan berseambahyang dan berpuasa kepada wanita-wanita berhaid berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w.. (al-Shawkānī, 1.327)

أليس اذا حضرت لم تصل ولم تصنم؟
ـ رواه البخارى ومسلم.

Maksudnya:

Apakah tidak benar apabila seseorang wanita sedang berhaid tidak diwajibkan berseambahyang dan berpuasa.

Hadis ini menunjukkan bahawa wanita yang berhaid tidak wajib berseambahyang dan berpuasa. Ibn al-Manzūr dan al-Nawawī (al-Shawkānī, 1:327) menyatakan bahawa ijmak ulama mengatakan wanita-wanita yang sedang berhaid tidak wajib mengqada' sembahyang tetapi wajib mengqada' puasa mereka. Tambahan lagi mengqada' puasa tidak menyusahkan atau membebankan wanita kerana puasa hanya diwajibkan sebulan sahaja iaitu di bulan Ramadan. Manakala sembahyang diwajibkan 5 kali sehari semalam. Menurut kebiasaan masa haid mempunyai tempoh yang lama, 6 atau 7 hari. Ini menyusahkan kaum wanita untuk mengqada'nya.

Ibn Ḥabd al-Bar (al-Shawkānī, 1.323) menceritakan hanya segolongan kaum Khawarij yang mewajibkan wanita mereka yang berhaid mengqadakan sembahyang.

3. Diharamkan bertaharah, (bersuci dari haid), dengan tujuan untuk beribadat. Hanya diharamkan kerana seolah-olah hendak

mempermudah masalah ibadah. Sekadar mandi untuk membersihkan diri itu dituntut.

4. Haram bertawaf di Kaabah. Ulama sepakat (al-Nawawi, 2:371) mengharamkan tawaf di Kaabah bagi wanita-wanita yang sedang berhai'd. Tawaf yang dikerjakan ketika itu, hukumnya tidak sah. Sama ada ia mengerjakan tawaf fardu atau tawaf sunat. Sebab di antara syarat tawaf di kaabah ialah taharah, sedangkan wanita berhai'd haram bertaharah.

5. Haram membaca al-Quran, menyentuh dan membawanya. Firman Allah:

لَا يَمْسِي إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

(Quran, 56:79)

Maksudnya:

Tidak disentuhnya melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.

Ulama sepakat (al-Nawawi, 2:272) mengharuskan mengingati ayat Quran di dalam hati tanpa menggerakkan lidah dan memandang kepadanya. Wanita-wanita yang berhai'd juga diharuskan bertasbih, bertahlil dan berzikir. Mereka juga diharuskan mengangkat Al-Quran ketika kecemasan seperti takut Quran itu tenggelam, terbakar, terkena najis, atau jatuh ke tangan orang kafir.

6. Haram berhenti, tidur, duduk dan berikti'āf di dalam masjid. Wanita-wanita yang sedang berhai'd hanya dibolehkan lalu di dalam masjid dengan syarat tidak dikhuatiri menitik ke lantai.

7. Haram wata' (jimak) pada faraj wanita yang sedang berhai'd. pengharaman ini mengikut ketetapan ijmak ulamak (al-Sharbini, 1. 110). Juga sabit dengan ketetapan ayat Quran.

فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمُحِيطِ وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ

فَإِذَا طَهَرْنَ فَأُتْهَنْ مِنْ حِيثِ أَمْرِكُمُ اللَّهُ.

(Quran, 2:222)

Maksudnya:

Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu. Dan janganlah kamu menghampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka bersuci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan Allah kepada kamu.

Perkataan (فَاعْتَزِلُوا) yang dimaksudkan di sini ialah menjauhkan diri dari melakukan perbuatan jimat ketika isteri sedang haid.

Al-Nawawi berkata (al-Nawawi, 2:422) sesiapa yang wata' dengan isterinya yang sedang berhaid sesungguhnya ia telah melakukan dosa besar. Seseorang suami yang sengaja wata' dengan isterinya yang sedang berhaid sedangkan ia tahu tentang hukum pengharamannya serta dia melakukan dengan penuh kesedaran dan dengan kehendaknya sendiri diwajibkan beristighfar dan bertaubat kepada Allah s.w.t.. Tetapi tidak diwajibkan membayar kifarah. Ini menurut pendapat Jumhur, Imam Mālik, Imam Abū Hanīfah dan pendapat yang sahih dari madhab Al-Shāfi'iyyah (Ibn Qudāmah, 1.243). Tetapi al-Shāfi'i berkata (al-Nawawi, 2:424) sunat ke atas suami yang wata' dengan isterinya membayar kifarah kepada fakir miskin satu (1) dinar pada darah yang masih berwarna kemereh-merahan. Dan setengah (1/2) dinar pada darah haid yang kekuning-kuningan. Suruhan ini berdasarkan kepada hadis:

إذا كان دماً أحمر فدينار، وإن كان ددماً
اصفر فنصف دينار.

(al-Shawkānī, 1.326)

Maksudnya:

Jika darah haid itu masih berwarna merah maka kifarahnya sebanyak 1 (satu) dinar. Dan jika darah haid itu kekuning-kuningan maka kifarahnya 1/2 dinar.

Adapun lelaki yang jahil tentang hukum pengharamannya atau dipaksa melakukannya atau terlupa ia tidak dikira melakukan dosa besar dan tidak wajib membayar kifarah.

Imām Ahmad mewajibkan kifarah kepada sesiapa sahaja yang jimat dengan isterinya yang sedang berhaid tanpa mengira sama ada ia melakukan dengan sengaja atau secara terpaksa atau jahil tentang hukum pengharamannya atau terlupa dan sebagainya (Ibn Qudāmah, 1.243). Berdasarkan kepada hadis Ibnu 'Abbās yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepada lelaki yang wata' dengan isterinya dalam keadaan berhaid.

الذى يأتى امرأته وهى حائض يتصدق بدينار أو بنصف
دينار" - رواه الحمزة.

(al-Shawkānī, 1:325)

Maksudnya:

Hendaklah seseorang yang Jimak dengan isterinya yang sedang berhaid itu membayar 1 dinar atau 1/2 dinar.

Cara pembayaran kifarah adalah mengikut pilhan sendiri sama ada hendak membayar satu dinar atau 1/2 dinar. Ianya juga diwajibkan ke atas orang-orang yang berkemampuan. ⁴Abdullah bin Hāmid berkata: Gugur sebahagian atau kesemua pembayaran kifarah ke atas orang yang tidak berkemampuan. (Ibn Qudāmah, 1.244).

Al-Shāfi‘īyyah (al-Nawāwī 2:384) kifarah hanya kepada pihak suami sahaja, tidak pada pihak isteri sedangkan Al-Hanābillah mewajibkan kifarah kepada pihak suami dan pihak isteri jika rangsangan datang darinya (Ibn Qudāmah, 1.245).

Yūsuf Qardāwī di dalam kitabnya *Fiqh Al-Zakāt* memberikan nilai satu dinar pada kifarah itu bersamaan dengan harga emas semasa sebanyak 4.25 gram, bersamaan RM 425 (Qardāwī 1969, 1.285)

Pendapat Imām Ahmad tidak diterima oleh Jumhūr. Al-Nawāwī berkata (al-Nawawi, 2:420) ahli ilmu sepakat mengatakan bahawa hadis Ibn ‘Abbās tersebut adalah Ḍaif dan mudtarib. Meskipun al-Hākim dalam kitab (المستدرك على الصحيحين) menganggap bahawa hadis Ibn ‘Abbās ini adalah hadis sahih tetapi pendapatnya itu bercanggah dengan pendapat Imam-imam hadis yang lain. Tambahan lagi al-Hākim memang terkenal di kalangan iman-imam hadis sebagai seorang yang mudah mengkategorikan hadis ke dalam kategori yang sahih. Di samping itu pengharaman wata’ kepada wanita yang sedang berhaid ialah kerana adanya al-Adhā (الأدى) dan al-Adhā tidak ada kaitannya dengan kifarah maka di sini tidak perlu diwajibkan kifarah.

8. Haram (الاستمتعان) *al-Istīmātā*, (berseronok dan bersenang) dengan isteri yang sedang berhaid pada bahagian badan yang terletak di antara pusat dan lutut tanpa *al-izār* ⁴Abdullah bn Saad telah bertanyakan Rasulullah (s.a.w) batas pergaulan yang dihalalkan di antara suami isteri semasa isteri sedang haid. Baginda menjawab (al-Shawkānī, 1.324)

ما فوق الارار

Maksudnya:

Para suami dibolehkan bersenang-senang dengan isterinya yang sedang berhaid tetapi dikehendaki menggunakan *izār*

Izār ialah kaɪn yang digunakan menutup bahagian badan yang terletak di antara pusat dan lutut. Al-Hanābillah (Ibn Qudāmah 1970, 1.242) mengharuskan ke atas suami *Istīmātā* dengan isteri tanpa *Izār* Sabda Rasulullah s.a.w

اصنعوا كل شيء إلا النكاح
 (رواه الجماعة إلا البخاري)

(al-'Asqalānī, 1.101)
 Maksudnya:
 Lakukanlah apa sahaja yang kamu ingini kepada isteri yang sedang berhaiid kecuali nikah.

Hukum istimtā^c pada selain bahagian badan yang terletak di antara pusat dan lutur harus tanpa khilaf di kalangan ulama, tetapi sebagai langkah berhati-hati tidak sewajarnya seseorang suami beristimtā^c dengan isteri yang sedang haid tanpa izār kerana perbuatannya itu dikhawatir memberangsangkannya untuk melakukan perkara yang diharamkan iaitu jimak. Tambahan lagi pengharusan Istimtā^c tanpa izār bercanggah dengan kaedah *sadd al-zarā'i* (شد الزرائ).¹

Al-Mālikiyah al-Shāfi'iyah, penduduk Madinah, al-Baghawi (al-Qurtubi, 1. 246) dan selainnya juga mengharamkan istimtā^c dan jimak dengan wanita-wanita yang telah kering darah haidnya sehingga mereka mandi wajib. Firman Allah:

وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذْهَرْنَ فَأُتْوِهُنَّ
 من حيث أمركم الله.

(Quran, 2:222)

Maksudnya:
 Jangan bersetubuh dengan isteri kamu dalam masa datang haid itu sehingga mereka suci kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.

Dari ayat di atas kita dapat i sriana yang berhaiid dihalalkan wata' dengan 2 syarat.

Syarat yang pertama: Kering darah haidnya. Firman Allah

وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ

diperintahkan (حتى يطهرن) bermaksud, sehingga meraka suci iaitu kering darah haidnya. Syarat yang kedua: Mandi wajib. Firman Allah

فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأُتْوُهُنَّ الْخَ

Perkataan: **فَإِذَا تَطَهَّرْنَ** bermaksud apabila mereka telah bersuci dengan mandi wajib.

Pendapat ini juga dipersetujui oleh al-Hanābilah (Ibn Qudāmah 1970, 1.246) pada pengharaman wata' sebaliknya mereka mengharuskan istimtāc tanpa mensyaratkan mandi wajib terlebih dahulu.

Al-Ahnāf (al-Mausilī, 1.35) sependapat dengan Imam-imam yang lain bagi masa haid yang kurang dari 10 hari. Mereka mengharamkan wata' kecuali dengan mandi wajib atau berlalu satu waktu sembahyang. Alasan mereka dikhuatirinya darah haid akan datang berulang lagi sebelum sampai masanya yang maksimum. Sebab itu diwajibkan mandi untuk mengisbatkan bahawa ia telah thur.

Adapun wanita yang mengalami masa haid yang maksimum (10 hari atau lebih) diharuskan wata' sebaik sahaja darah haidnya telah kering tanpa disyaratkan mandi wajib terlebih dahulu. Ada beberapa alasan yang dikemukakan oleh al-Ahnāf dalam masalah ini.

a. Sesudah habis tempoh masa haid yang maksimum tidak dikhuatirinya darah haid akan berulang kembali. Bahkan sesudah tempoh yang maksimum darah yang keluar dinamakan istihādah.

b. Dalam ayat () يَطْهَرْنَ حَتَّىٰ يَطْهَرُنَّ perkataan dibaca dengan taktfif tidak dengan tasyid. Bacaan dengan taktfif bermaksud "Janganlah kamu hampiri mereka sehingga kering darah haid mereka"

c. Perkataan () حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ yang dibaca dengan taktfif dan perkataan () فَإِذَا تَطَهَّرْنَ yang dibaca dengan tasyid kedua-duanya memberi erti yang sama iaitu menunjukkan batas syarat yang dikehendaki pada pengharusan wata' bagi wanita yang berhaid, Pengharusan itu bila sahaja darah haid telah kering.

Namun begitu pengharusan wata' ini tidak digalakkan sebab kedapatan segulungan ulama yang cenderung membaca kedua-dua perkataan yang tersebut dengan tasyid umpamanya Tabarī lebih cenderung membaca perkataan () حَتَّىٰ يَطْهَرْn dengan tasyid yang membawa erti wajib mandi. Tambahan lagi ijmak ulama (al-Qurtubi 1967, 3:88) mengharamkan seseorang lelaki menghampiri isterinya yang sedang berhaid sebelum mandi wajib meskipun darah haidnya telah kering.

9 Diharamkan bagi seseorang suami menggugurkan talak kepada isteri yang sedang berhaid. Sekiranya ini berlaku gugur talak bid'ah. Pengharaman ini untuk memberi perlindungan kepada pihak isteri kerana wanita yang ditalakkan semasa sedang berhaid. panjang masa idahnya. Ini menyusahkan mereka, namun begitu harus bagi seseorang

suami menyatakan talak kepada isterinya sebaik sahaja darah haidnya kering tanpa disyaratkan mandi terlebih dahulu.

RUJUKAN

- Al-Qur'ān al-Karīm
- Al-^cAsqalānī, Ahmad Ibn ^cAli Ibn Muhamad Ibn Hajar. *Subul al-Salām*. al-Qāhirah: Maktabah al-Mashhad al-Husaimi
- Al-Dasūqī, Shams al-Dīn al-Shyakh Muhamad. *Hāshiyah al-Dasūqī^c Alā al-Syarh al-Kabir* Mesir: ^cIsā al-Bābī al-Halabi wa Syukrakahu.
- Ibn al-Human, Kamāl al- Dīn Muhamad Ibn ^cAbd al-Wāhid 1315H. *Sharh Fath al-Qadir*, Mesir: Matba^cah al-Kubra al-Amīriyyah.
- Ibn Manzur, Jamāl al-Dīn Muhamad Mukram. 1301H. *Lisān al-^cArab*. Mesir: Matba^cah al-Kubrā al-Misriyah.
- Ibn Qudāmah, Abī Muhammad ^cAb Allah Ibn Ahmad Ibn Mahmūd. 1970. *Mughnī Lī Ibn Quḍmāh*. Mesir: Maktabah al-Qāhirah.
- Müsā, Kāmil ^cAbūd. 1983. *al-Haid wa Ahkamuhu al-Shar^cīyyah*. Beirut: Muassasat risālah.
- Al-Mausillī, ^cAbd Allah Ibn Mahmūd Ibn Maudūd Ibn Mahmūd. 1961. *al-Ikhtiyār li Ta^clil al-Mukhtār* Mesir: Maktabah wa Matba^cah Muhammad 'Ali Subhi.
- Muhammad al-Sharbīnī al-Khatīb. 1958. *Mughnī al-Muhtāj^c Illa Ma^crīfah ma^cānī al-fāz al-Minhaj*. Mesir: Maktabah wa Matba^cah Mustafa al-Bābī al-Halabi.
- Al-Nawawī, Abī Zakaria Muhyī al-Dīn Ibn Sharf. t.t. *al-Majmū^c Sharh al-Muhadhab*,. Masr: Matba^cah al-Imām.
- Al-Qurtubī, Abī ^cAbd Allah Muhammad Ibn Ahmad. 1967 *Al-Jamīli Ahkam Al-Qur'ān*. al-Qāhirah: Dār al-Khātib al-^cArabī
- Al-Shawkānī, Muhammad ^cAbd Allah Ibn Yūsuf t.t. *Nayl al-Awtār* Mesir: Maktabah wa Matba^cah Mustafā al-Bābī al-Halabi.
- Qardāwī, Yūsuf. 1969 *Fiqh Al-Zakāh*. Beirut: Dār al-Irsyād.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. 1987 *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.